

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

ISNIN, 5 APRIL, 1982

## GAJAH PUTIH ATAU KEBANGGAAN NEGARA?

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

BAGI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, MAS tidak seharusnya berkembang menjadi 'gajah putih' semata-mata, sebaliknya sebuah perkhidmatan yang tidak saja dapat menjadi kebanggaan tetapi juga memberi faedah kepada negara. Jika keuntungan kewangan adalah faedah utama yang diharapkan dari MAS, faedah dari segi sumbangannya kepada pembangunan negara serta peranannya menjulang imej negara di luar negeri tidak juga kurang pentingnya.

Sejak ditubuhkan tahun 1973, MAS telah berjaya menunjukkan keuntungan yang menggalakkan. Bagaimanapun, buat pertama kalinya ia mengalami kerugian yang agak besar dalam tahun kewangan 1981-82, iaitu sebanyak \$15 juta. Ini bukanlah tidak bersebab, malah telah diramalkan. Ia adalah kecenderungan yang umum bagi industri penerbangan seluruh dunia. Kenalkan yang tinggi dan berterusan dalam kos pengurusan — dari harga minyak,

tenaga pekerja dan juga bahan-bahan — adalah sebab utamanya.

Betapa pun, sumbangannya terhadap pembangunan negara bukanlah sedikit. Peranannya dalam kemajuan ekonomi dan menyediakan kemudahan perhubungan yang pantas, selain mendekatkan jarak Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, memanglah diakui. Tetapi, dalam masa yang sama, sumbangannya dalam menjulang imej negara di luar negeri masih belum begitu memuaskan. Walaupun ia bermegah dengan perkhidmatannya yang mesra, ini nampaknya berlaku semasa penerbangan saja. Masih banyak sindiran pahit yang didengar mengenai perkhidmatannya yang lain.

Ada kemungkinan gambaran buruk ini sengaja dibesar-besarkan oleh saingan-singan MAS untuk tujuan yang termaklum. Tetapi kita tidaklah boleh berselindung di sebalik kemungkinan begini, seperti juga kita tidak boleh berselindung di sebalik hakikat kecenderungan merosot bagi keseluruhan industri penerbangan dunia untuk bersenang hati dengan kerugian yang dialami oleh MAS. Seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri, sindiran tersebut — dan juga kerugian yang dialami — seharusnya dianggap sebagai suatu cabaran.

Cara mengatasinya ialah, seperti yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir, dengan mempercepat pengurusan serta memperbaiki mutu perkhidmatan. Ia hanya boleh tercapai sekiranya terdapat kemuafakatan dan kerjasama antara sesama pegawai dan antara pegawai dengan kakitangan yang lain. Sebarang kejayaan tidak boleh tercapai melalui tenaga sepihak saja sebaliknya dari sumbangan setiap yang terlibat. Jika sumbangan kakitangan tidak diambil kira dan dihargai, kerjasama yang diharapkan itu tidak akan wujud, sebaliknya lebih banyak masa akan terbuang untuk menyelesaikan per selisihan daripada melaksanakan kewajipan.